

07/03/1997

MSC: BN beri taklimat khas

KUALA LUMPUR, Khamis - Barisan Nasional (BN) akan memberi taklimat khas mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan masalah keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda kepada semua ahli jawatankuasa pusat parti komponennya, Selasa ini.

Taklimat itu yang akan disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membabitkan anggota Senator, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata majlis itu dianggap penting kerana mahu memberi kefahaman lebih jelas kepada pemimpin masyarakat mengenai kepentingan projek MSC dan isu sosial.

(END)